

▼01/09/13-59MSI'

CNS1349

R PB 01-09 00209 BA996

bah

PENYERTAAN SEMULA PBDS DALAM BN S'WAK HAMPİR MENJADI KENYATAAN, KATA PM

KUCHING, 1 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata penyertaan semula Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) ke pangkuan Barisan Nasional (BN) Negeri Sarawak kini hampir menjadi kenyataan.

Keputusan untuk menerima kemasukan semula PBDS itu "semakin hampir, seperti kuku dengan jari," kata Perdana Menteri apabila ditanya pada persidangan akhbar di sini sebelum berlepas ke Labuan selepas menghadiri perayaan Hari Kebangsaan di bandaraya ini semalam.

Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud yang juga Pengerusi BN Negeri yang turut hadir pada persidangan akhbar itu turut menyetujui kata-kata Dr Mahathir sambil berkata: "kini semakin dekat."

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN Pusat berkata beliau menyerahkan keputusan untuk menerima semula PBDS ke pangkuan BN Negeri Sarawak kepada kedua-dua pihak untuk mencapai kata sepakat.

"Terpulang kepada parti-parti komponen BN Sarawak untuk menentukan tarikh dan sikap, dan tiada paksaan (untuk membuat keputusan)," katanya ketika mengulas jangkaan wartawan bahawa satu keputusan akan dibuat ketika perayaan Hari Kebangsaan itu.

PBDS merupakan anggota komponen BN pada peringkat Pusat tetapi anggota pembangkang di peringkat negeri apabila ia keluar daripada BN negeri pada 1987. -- Bernama.

AHM NMO

▼01/09/12-04MSI'